

# Harap PA dapat teruskan tandingan...

**LANGKAH** Persatuan Rakyat (PA) untuk menganjurkan pertandingan silat antara balai rakyat merupakan satu peringkat yang penting dalam kemajuan kegiatan tersebut di peringkat itu. **3 - MAR 1983**

Dengan kerjasama dari Persekutuan Silat Singapura (Persisi), pertandingan itu diharapkan akan dapat meningkatkan taraf permainan tersebut di balai-balai rakyat jika ia menjadi satu acara tetap PA setiap tahun.

Sebaliknya, jika ia hanya merupakan pertandingan yang diadakan sekali saja iaitu pada tahun ini maka harapan para peminat silat di berbagai kumpulan dan kelas silat balai rakyat untuk melihat kemajuan dalam kegiatan mereka akan menjadi hampa.

Dengan menganjurkan pertandingan tersebut, PA membawa keluar kegiatan rakan-rakan belia dalam bidang seni mempertahankan diri itu di balai rakyat dari bayang-bayang rakan mereka dalam badan-badan silat yang lain.

Kerana selama ini rakan-rakan belia di pusat-pusat akar umbi itu hanya bergiat dalam pertandingan yang dianjurkan secara kecil-kecilan dan kerap dianjurkan oleh mereka sesama sendiri.

Beberapa pertandingan antara balai-balai rakyat sebelum ini tidak melibatkan PA secara langsung.

Daya utama untuk menganjurkan pertandingan serupa itu biasanya bermula dari beberapa orang pemimpin silat yang gigih di balai-balai rakyat. Mereka kemudian menghubungi badan silat lain untuk mendapatkan kerjasama.

## Teratur

Dua buah badan yang sejauh ini diketahui telah memberikan kerjasama kepada balai-balai rakyat untuk menganjurkan pertandingan silat ialah Persisi dan Pasak.

Tetapi, berbagai perkara lain yang berkaitan dengan perancangan pertandingan semuanya terletak dipundak segelintir pemimpin tersebut — sebilangan besar dari mereka adalah muda-muda belaka.

Di bahu orang-orang muda itulah terletaknya tanggungjawab untuk mendapatkan kewangan, mengatur rancangan pertandingan, mendapatkan hadiah dan piala, mengatur acara majlis dan lain-lain.

Dengan menjalankan kerja-kerja yang begitu meluas dan berbagai itu, para pemimpin itu tidak dapat memusatkan perhatian mereka dengan sepenuhnya pada satu perkara utama — meninggikan mutu permainan dari tahun ke tahun.

Setiap tahun pertandingan tersebut harus dijalankan untuk memastikan minat para anggota tidak pudar.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pertandingan serupa itu menjadi sebagai pendorong kepada para anggota yang sekali dalam seminggu atau lebih berpenat lelah menjalani latihan mereka.

Dengan pengambilan tugas menganjurkan pertandingan silat antara balai rakyat itu, PA memberikan peluang kepada para pemimpin kumpulan dan kelas silat di berbagai balai rakyat untuk menumpukan lebih banyak perhatian kepada latihan para anggota.

**3 - MAR 1983**  
Diharapkan perhatian yang lebih berat pada mutu permainan nanti, rakan belia di balai-balai rakyat akan dapat mempertingkatkan dan memperhalusi lagi seni permainan mereka.

Mutu yang lebih tinggi itu ditambah dengan perancangan yang lebih teratur diharapkan akan menjadikan pertandingan silat antara balai-balai itu

setanding dengan pertandingan silat nasional anjuran Persisi sendiri.

Hasil akhirnya ialah mutu permainan yang dipertandingkan oleh Persisi sendiri akan juga ikut bertambah baik dengan penyertaan dari rakan-rakan belia yang terlibat di balai-balai rakyat.

Tetapi, sebaliknya, jika PA hanya merencanakan pertandingan dengan piala pusingan Sidek Saniff sebagai hadiah terbesar pertandingan itu hanya untuk tahun ini saja, maka apa yang diharapkan oleh pencinta seni itu akan lumpuh.

Kemungkinan keadaan serupa itu berlaku tidak dapat dinafikan. Misalnya, sedikit masa lalu PA heboh dan gamat dengan usaha mempopularkan permainan tradisional.

Setelah berjaya menjalakan pertandingan tersebut, usaha serupa itu diletakkan ke atas pundak beberapa buah balai terpilih.

## Pengukur

Yang lebih membimbangkan ialah PA sendiri masih belum lagi dapat memastikan sama ada akan menjadikan pertandingan tersebut sebagai acara tahunan atau sebaliknya.

Nadi Bella difahamkan sama ada pertandingan tersebut akan terus menjadi acara tahunan atau terhenti setakat tahun ini dan sebagainya bergantung kepada kejayaan pertandingan dalam tahun ini.

**3 - MAR 1983**  
Salah satu faktor yang menjadi bahan pengukur berjaya atau tidaknya pertandingan akan datang nanti ialah sambutan dari mereka yang bergiat.

Adalah harapan semua rakan belia bahawa pertandingan itu akan terus berjalan tahun demi tahun atau sekurang-kurangnya dua tahun sekali, tidak hanya terbantut di tengah jalan.